

SOALAN NO.: 29

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. DR. ISMAIL BIN DAUT**  
**KAWASAN : MERBOK**  
**TARIKH : 7 NOVEMBER 2017 (SELASA)**

**SOALAN:**

**YB. DR. ISMAIL BIN DAUT** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status perbincangan Kementerian Kerja Raya dengan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) berkaitan dengan cadangan untuk menaikkan had laju lebuh raya di negara ini kepada 130 kilometer sejam (km/j).

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua,

Uktuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian ini tidak mempunyai perbincangan dengan pihak Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) berkaitan dengan cadangan untuk menaikkan had laju lebuh raya di negara ini kepada 130 kilometer sejam (km/j).

Ini adalah kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kriteria penetapan had laju kenderaan di jalan raya dan lebuh raya di Malaysia dibuat untuk memelihara keselamatan pengguna.

Oleh itu, penentuan had laju sesuatu jalan itu telah diwartakan dengan mengambilkira rekabentuk, kapasiti aliran trafik dan tahap risiko kemalangan. Walaupun terdapat lebuhraya di negara ini yang direkabentuk untuk kelajuan melebihi 110 km/j, namun kadar halaju yang diwartakan oleh kerajaan masih kekal pada tahap maksimum 110 km/j.

Sehubungan dengan itu, berdasarkan statistik kemalangan jalan raya yang masih tinggi di negara ini dan implikasi kos yang mungkin terlibat di dalam menaiktaraf geometrik jalan yang terlibat kerajaan tidak berhasrat untuk menaikkan had laju kebangsaan yang telah diwartakan iaitu 80km/j di negeri, 90 km/j di jalan persekutuan dan 110 km/j di lebuh raya.

Sekian, terima kasih.